

SIARAN MEDIA

PKS PERLU PERSIAP DIRI GUNA TEKNOLOGI DIGITAL

KELANTAN, 7 Mac 2021 – Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar menyarankan agar usahawan PKS dan Mikro mempersiapkan diri melalui penggunaan teknologi digital bagi menghadapi senario perniagaan yang berbeza, khususnya selepas tamat tempoh PKP. Ini adalah kerana tidak mudah untuk mengangap bahawa keadaan akan kembali seperti biasa selepas pandemik wabak COVID-19 berakhir.

Saranan ini dibuat dalam ucapannya semasa menghadiri sesi Townhall YB Menteri bersama Persatuan / Dewan Perniagaan Kelantan hari ini. Sesi ini diadakan bagi membolehkan Menteri MEDAC mendapatkan maklumbalas secara terus dari para usahawan di negeri Kelantan. Berdasarkan bancian daripada 907,065 PKS diseluruh negara, sebanyak 46,260 atau 5.1% daripada PKS yang berdaftar, beroperasi di Negeri Kelantan.

Pandemik COVID-19 secara tidak langsung telah melonjakkan penggunaan teknologi dalam kehidupan seharian. Pendigitalan merupakan elemen penting bukan sahaja untuk memulihkan perniagaan, tetapi juga apabila memulakan sesuatu perniagaan. “Covid-19 telah mengubah gaya hidup kita semua, dan dengan pergerakan dan pertemuan yang terhad, penggunaan aplikasi digital semakin meluas. Ini sekaligus mendorong dan menjadi pemangkin untuk meningkatkan keupayaan penggunaan teknologi maklumat”, ujar YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Tahun lalu, MEDAC menerusi SME Corp. Malaysia memainkan peranan dalam memudahcara 7,851 perusahaan mikro, termasuk usahawan Bumiputera untuk mengadaptasi teknologi digital (e-dagang) dalam operasi perniagaan masing-masing menerusi Program *Micro Connector*.

Program *Micro Connector* merupakan salah satu inisiatif berterusan oleh SME Corp. Malaysia bagi membangunkan perusahaan mikro dan komuniti isi rumah yang memperolehi pendapatan 40% terendah (B40) di negara ini. Program ini bertujuan untuk memberikan bantuan peringkat awal kepada perusahaan mikro dalam menubuhkan dan menjalankan perniagaan serta melatih komuniti B40 untuk mendapatkan kemahiran baru untuk menjana pendapatan melalui keusahawanan.

Di bawah program *Micro Connector* ini juga, SME Corp. Malaysia bekerjasama dengan Warong Rider iaitu satu platform servis penghantaran makanan dan barangan yang dapat membantu golongan belia, peniaga dan penjaja kecil di seluruh Malaysia untuk memasarkan pelbagai produk di kawasan setempat.

SME Corp. Malaysia juga melaksanakan Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) bertujuan meningkatkan daya saing PKS Bumiputera menerusi bantuan bersepadu yang meliputi khidmat nasihat, bantuan teknikal, latihan dan sokongan kewangan dalam bentuk geran bersamaan. Sehingga Disember 2020, sejumlah 1,212 permohonan telah diluluskan dengan nilai geran berjumlah RM175.4 juta di bawah program BEEP. Bagi Negeri Kelantan, sejumlah 80 permohonan telah diluluskan dengan nilai geran berjumlah RM7.01 juta.

Bagi mengetahui maklumat terkini bantuan yang disediakan serta mendapatkan maklumat tentang pelbagai topik berkaitan pengurusan perniagaan, PKS boleh melayari laman sesawang rasmi SME Corp. Malaysia (www.smecorp.gov.my) dan saluran media sosial rasmi SME Corp. Malaysia.

Sesi Townhall YB Menteri bersama Persatuan / Dewan Perniagaan Kelantan ini turut dihadiri oleh YB Dato' Haji Hanifa Bin Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Pelaburan dan Pembangunan Usahawan Negeri Kelantan; YBhg. Dato' Suriani Binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan Encik Rizal Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia.

- TAMAT -